

UNTUK SIARAN SEGERA

Panasonic melancarkan rangkaian kamera Lumix baru dengan ciri Kualiti Gambar Unggul dan Respon Kelajuan Tinggi

Rangkaian baru Lumix G bakal memperbaiki dan meningkatkan pengalaman fotografi golongan konsumer wanita

Kuala Lumpur, 27 Jun 2013 – Panasonic Malaysia terus memperkenalkan rangkaian baru kamera Lumix bagi memenuhi keperluan dan citarasa kaum wanita yang sentiasa bergerak ke sana sini. Rangkaian kamera baru ini bercirikan reka bentuk bergaya dengan badan kompak yang direka untuk menarik perhatian konsumer wanita yang muda, kuat dan aktif.

Siri Lumix G, kamera Pertama di Dunia Tanpa Cermin, penuh dengan pelbagai inovasi baru serta ciri-ciri berkualiti tinggi bagi menawarkan satu pengalaman fotografi yang menyeronokkan.

“Kami akan terus memperkenalkan kamera-kamera baru lagi dipertingkatkan kepada konsumer Malaysia bagi menepati trend pengguna kamera yang sentiasa berubah,” kata Yosuke Matsunaga, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

“Kamera seharusnya menjadi satu kaedah mudah untuk merakamkan pemandangan serta memori indah sambil kita menjalankan aktiviti harian dan kita seharusnya dapat berkongsi pengalaman atau memori ini dengan serta-merta bersama insan-insan tersayang,” tambah Matsunaga.

Siri Lumix G baru, GF6 memiliki ciri-ciri nilai tambah tambahan yang sesuai untuk semua pengguna kamera yang mementingkan kualiti serta prestasi tinggi.

Venus Engine yang baru diperbaiki menahan bunyi bising frekuensi rendah tanpa mengurangkan ketajaman gambar yang dirakamkan oleh GF6 dengan 16 megapiksel. Ia berupaya menghasilkan kualiti gambar yang mengagumkan walaupun dalam keadaan cahaya rendah. GF6 juga memberikan respon yang lebih tinggi di mana ia hanya memerlukan 0.5 saat untuk mengambil gambar selepas dihidupkan. Dengan GF6, anda tidak lagi akan terlepas peluang-peluang keemasan untuk mengambil gambar! Bukan itu sahaja, selaku yang pertama dalam industri kamera sistem yang menawarkan WiFi dengan fungsi NFC, GF6 juga membolehkan para pengguna untuk menyentuh dan berkongsi gambar dengan telefon pintar berkeupayaan NFC.

Sila rujuk kepada Siaran Akhbar Produk individu untuk maklumat lanjut mengenai GF6, G6 dan LF1.

###

Latar Belakang Panasonic

Panasonic Corporation merupakan pemimpin dunia dalam pembangunan dan kejuruteraan teknologi elektronik dan penyelesaian untuk pelbagai keperluan pengguna, residensi, mobiliti dan aplikasi personal. Ditubuhkan pada 1918, syarikat telah berkembang secara global dan sekarang beroperasi lebih 500 pengukuhan syarikat seluruh dunia, mencatatkan jualan bersih sebanyak 7.30 trillion yen bagi tahun berakhir 31 Mac 2013. Komited bagi meneruskan nilai baru melalui inovasi divisyenal seberang, syarikat bertekad mengujudkan kehidupan dan dunia yang lebih baik untuk para pelanggan. Untuk maklumat lanjut tentang Panasonic, layari laman web <http://panasonic.net/>.

Latar belakang Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah syarikat jualan, servis dan pemasaran bagi produk-produk elektrik dan elektronik berjenama Panasonic yang merangkumi audio visual, peralatan rumah, penyaman udara, kamera digital dan video, peralatan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan hingga ke bateri dan pencahayaan. Semua produk Panasonic ditawarkan melalui rangkaian peniaga bertauliah kami. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, sila layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03-7953 7600.

Untuk rakan media, sila muat turun siaran akhbar acara dan produk serta foto-foto di

www.pmpressroom.com

Hubungan Media: Tan Tih Tjun
Pengurus, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7753 Faks: 03 7955 0722
Emel: tihtjun.tan@my.panasonic.com

Hubungan Produk: Liew Choon Wah
Pengurus Besar, Jabatan Pengimejan Digital
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7788 Faks: 03 7955 2848 Mobil: 019 383 6547
Emel: choonwah.liew@my.panasonic.com